

Boost Bank perlu didik belia celik digital - Anwar

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Institusi perbankan digital di negara ini berperanan besar sebagai pendidik masyarakat khususnya belia agar celik digital dan tidak mengasingkan diri daripada transformasi digital.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ini kerana pendekatan canggih, digital serta kecerdasan buatan (AI) kadangkala menggerunkan dan menakutkan masyarakat.

“Kebimbangan terbesar dalam memacu pertumbuhan dan transformasi digital adalah jurang di antara rakyat.

“Ini tanggungjawab Boost Bank. Cukup enam bulan, saya nak lihat laporan ikhtiar istimewa Boost Bank. Laporan itu akan dibentangkan oleh Menteri Digital di Kabinet,” kata Anwar ketika berucap merasmikan pelancaran Boost Bank di sini semalam.

Terdahulu, Anwar berkata, pelancaran Boost Bank merupakan satu lonjakan digital yang memanfaatkan rakyat dan menyeru Boost Bank, Axiata Group Bhd. dan RHB Bank mengadakan latihan kepada belia bagi memantapkan



ANWAR Ibrahim ketika merasmikan majlis pelancaran Boost Bank oleh Axiata dan RHB Bank di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa di Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

mereka seiring perkembangan digital.

Sementara itu, Anwar ketika menyampaikan ucapan di persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik ke-37 pula berkata, Malaysia menyambut baik pendekatan Amerika Syarikat (AS)

dalam menangani konflik Palestin dan Israel.

Menurut beliau, ia berikutan desakan Presiden AS, Joe Biden agar Israel menerima cadangan gencatan senjata sebagai pertukaran pembebasan tebusan.

“Kami mengalu-alukan

tanda-tanda awal perubahan dalam pendekatan AS terhadap konflik. Kami berharap AS akan terus menilai semula pendekatannya dan menyegerakan menamatkan pembunuhan pembunuhan beramai-ramai,” kata Perdana Menteri.